

Bahagian B

(Ulasan: Ciri-ciri Keselamatan di Jalan Raya)

Padankan isi tersurat dan isi tersirat dengan betul.

Isi Tersurat	Isi Tersirat
1. menggunakan jejantas semasa melintas jalan	menyelamatkan nyawa diri sendiri dan pengguna jalan raya yang lain.
2. merancang perjalanan dengan baiknya	mengurangkan risiko kemalangan yang disebabkan oleh kerosakan pada kenderaan
3. mematuhi peraturan di jalan raya	lebih selamat apabila melintas jalan
4. memeriksa kenderaan secara berkala	mengelakkan sikap terburu-buru semasa ketika menggunakan jalan raya

Gambar di bawah menunjukkan ciri-ciri keselamatan di jalan raya. Susun ayat ulasan anda dengan betul.



Gambar menunjukkan ciri-ciri keselamatan di jalan raya. Antaranya ialah

agar kita dapat mengelakkan sikap terburu-buru semasa ketika menggunakan jalan raya.

supaya lebih selamat apabila melintas jalan.

pejalan kaki hendaklah menggunakan jejantas semasa melintas jalan

Selain itu, kita haruslah merancang perjalanan dengan baiknya

Akhir sekali, kita perlulah memeriksa kenderaan secara berkala

Seterusnya, kita mestilah mematuhi peraturan jalan raya

supaya dapat mengurangkan risiko kemalangan yang disebabkan oleh kerosakan pada kenderaan.

Kesimpulannya, keselamatan di jalan raya amat penting agar kita selamat sampai ke destinasi yang dituju.

agar dapat menyelamatkan nyawa diri sendiri dan pengguna jalan raya yang lain.